

11 SEP 2003

TINDAKAN MAJALAH BUSINESS WEEK CERMINKAN KEANGKUHAN MEDIA BARAT

SEREMBAN, 11 Sept (Bernama) -- Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata ugutan oleh majalah asing, Business Week, untuk menyiarkan rencana memburuk-burukkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas Perdana Menteri enggan ditemu bual oleh majalah itu, adalah bukti tentang sikap keangkuhan media Barat.

Katanya media Barat sering melaung-laungkan kebebasan media tetapi apabila enggan ditemu bual mereka mengugut, dan ini menunjukkan bukan sahaja mereka sendiri tidak mengamalkan kebebasan dan menghormati hak individu tetapi juga menunjukkan keangkuhan selain mempunyai agenda tertentu.

"Bagi saya ini adalah sikap biadap dan tidak bertanggungjawab terhadap pemimpin negara kita," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kedua Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia (Sukma) ke-10 di sini, hari ini. Sukma ke-10 akan dianjurkan oleh Negeri Sembilan tahun depan.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Dr Mahathir semalam bahawa beliau telah diugut oleh majalah Business Week yang mengancam untuk menulis laporan memburuk-burukkan Malaysia dan kepimpinannya selepas beliau enggan ditemu bual oleh majalah itu.

Hishammuddin, yang juga Menteri Belia dan Sukan, meminta Business Week supaya jangan cuba mengajar pemimpin negara ini mengenai kebebasan media jika majalah itu sendiri tidak tahu melaksanakan kerja dan tanggungjawab mereka secara profesional.

Beliau berkata Pemuda Umno menyokong tindakan Dr Mahathir untuk tidak melayan permintaan majalah itu dan menyifatkan keputusan tersebut adalah tepat.

-- BERNAMA
RP DC MAI